U 8800 AAB
MAHATHIR
(EMBARGO) UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.30 MALAM INI)
----------------------------------------------------------

KUALA LUMPUR, 31 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA RAKYAT MENGEKALKAN PERPADUAN, PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA AGAR PELBAGAI KEJAYAAN TERUS DAPAT DICAPAI DAN DINIKMATI BERSAMA DEMI MENJAMIN KEHIDUPAN YANG LEBIH BAHAGIA.

PERDANA MENTERI BERKATA CABARAN-CABARAN MASA LALU TELAH DAPAT DIATASI HASIL DARIPADA PERPADUAN, PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA DI KALANGAN MASYARAKAT MAJMUK DI NEGARA INI.

+SUNGGUHPUN BEGITU, KITA PERLU MEMANTAPKAN LAGI KETAHANAN BAGI MENGHADAPI CABARAN BARU DARIPADA SEBAB ATAU PUNCA YANG SAMA, DALAM BENTUK ATAU MANIFESTASI YANG BERLAINAN TERHADAP KESELAMATAN NEGARA,+ KATANYA DALAM PERUTUSAN SEMPENA TAHUN BARU 1989 YANG DISIARKAN MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA MALAM INI.

BELIAU BERKATA BAGI MENENTUKAN NEGARA SENTIASA BERADA DALAM KEADAAN AMAN DAN TENTERAM, SEMUA PIHAK HENDAKLAH LEBIH PEKA DAN WASPADA AKAN SENSITIVITI-SENSITIVITI BERKAITAN.

BELIAU MENEGASKAN PERLEMBAGAAN NEGARA MENJAMINKAN KEHIDUPAN MASYARAKAT BERASASKAN NILAI KESEDERHANAAN, TOLERANSI DAN SALING BERSEFAHAMAN DI KALANGAN RAKYAT BERBILANG KAUM, BUDAYA DAN AGAMA DAN BANGSA. -- LAGI.
1439MST 31 12 88

U 8801 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAJAK RAKYAT BERTEKAD MENGHADAPI TAHUN 1989 DENGAN SIKAP POSITIF, DENGAN PENUH KEYAKINAN DAN KETABAHAN SUPAYA DAPAT MENINGKATKAN LAGI KEJAYAAN DALAM 1989.

+WALAUPUN KITA MASIH MENGHADAPI BEBERAPA MASALAH, IA TIDAK SEHARUSNYA DIGUNAKAN SEBAGAI ALASAN UNTUK TIDAK BEKERJASAMA DAN TIDAK BERSATU-PADU.

+MEMANG ADA GOLONGAN TERTENTU CENDERUNG MENGGUNA MASALAH ITU UNTUK MENGERUHKAN KEADAAN, TETAPI HARUSLAH DIINGAT BAHAWA TUJUAN GOLONGAN ITU BUKANLAH UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH, TETAPI UNTUK MEMBURUKKAN KEADAAN DENGAN MENGGUNAKAN MASALAH ITU BAGI KEPENTINGAN SEMPIT MEREKA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA HAMPIR SEMUA BIDANG TERMASUK SOSIAL, EKONOMI, POLITIK DAN KESELAMATAN NEGARA PADA 1988 MEMPERLIHATKAN PEMULIHAN DAN STABIL.

KEADAAN POLITIK NEGARA BERANSUR STABIL DAN KESELAMATAN JUGA LEBIH TERJAMIN. WALAUPUN ADA PERKARA-PERKARA TIDAK DIINGINI BERLAKU TETAPI IA TIDAKLAH SEHINGGA MEMBAWA KEPADA KUCAR-KACIR, KATANYA.

+MASALAH DALAM PARTI-PARTI POLITIK DI NEGARA KIAN REDA DAN PEMULIHAN PARTI UMNO MEYAKINKAN BUKAN SAHAJA PENDUDUK TEMPATAN TETAPI JUGA PELABUR ASING MENGENAI KESTABILAN NEGARA.+ -- LAGI.
1442MST 31 12 88

U 8802 AAB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+MEMANG BENAR PEMULIHAN BELUM TERCAPAI SEPENUHNYA, TETAPI RAKYAT YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN CINTA AKAN KEAMANAN DAN NEGARA AKAN MENENTUKAN SEGALA MASALAH DAPAT DIATASI+.

SEJAJAR DENGAN PEMILIHAN NEGARA SEBAGAI TUAN RUMAH SUKAN SEA DAN MESYUARAT KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL PADA 1989, PERDANA MENTERI MENYIFAKAN IA SEBAGAI PELUANG TERBAIK UNTUK MENINGKATKAN LAGI MARUAH NEGARA DI MATA DUNIA .

BELIAU YAKIN DENGAN KERJASAMA SEMUA PIHAK, MALAYSIA AKAN DAPAT MENJADI TUAN RUMAH YANG BERADAB DAN BERADAT, DI SAMPING MENJADIKANNYA TERKENAL KEPADA SEBAHAGIAN BESAR NEGARA DI DUNIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA SEMASA EKONOMI NEGARA KIAN PULIH, PRODUKTIVITI TIDAK HARUS DIABAIKAN TETAPI HENDAKLAH DIPERTINGKATKAN.

+KENAIKAN GAJI TANPA KENAIKAN PRODUKTIVITI AKAN MENGURANGKAN KEUPAYAAN UNTUK BERSAING DENGAN BARANG-BARANG NEGARA LAIN SAMA ADA DALAM PASARAN TEMPATAN ATAU ANTARABANGSA. JIKA INI BERLAKU, PENDAPATAN PERUSAHAAN AKAN MEROSOT.+

BELIAU BERKATA INI TIDAK DAPAT TIDAK, MENJEJASKAN PENDAPATAN PEKERJA DAN MENYEBABKAN PENGANGGURAN, SELAIN PEROLEHAN NEGARA AKAN MEROSOT YANG AKAN MEMBERI KESAN BURUK KEPADA PEMBANGUNAN. -- LAGI.
1446MST 31 12 88

U 8803 AAB
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU JUGA BERKATA PARA PEMANDU HENDAKLAH MEMANDU DENGAN CERMAT KERANA KEMALANGAN YANG MENYEBABKAN CEDERA PARAH DAN KEMATIAN DI MALAYSIA TERLALU TINGGI -- KEBANYAKANNYA DISEBABKAN OLEH KEGOPOHAN PEMANDU.

+MARILAH KITA SEMUA MEMBUAT RESOLUSI UNTUK MEMANDU DENGAN LEBIH CERMAT MULAI TAHUN 1989 INI, YANG DENGAN IZIN TUHAN, KITA DAN KELUARGA SERTA PENGGUNA JALAN RAYA LAIN AKAN TERPELIHARA.+ -- BERNAMA.
1449MST 31 12 88